

# **TARIAN PINAKANG DALAM MAJLIS MONGUKAS: SATU MANIFESTASI ADAT ETNIK KIMARAGANG DI DAERAH KOTA MARUDU, SABAH**

## ***PINAKANG DANCE IN MONGUKAS CEREMONY: A MANIFESTATION OF KIMARAGANG ETHNIC CUSTOMS IN KOTA MARUDU DISTRICT, SABAH***

**Victor B. Pangayan<sup>1\*</sup>  
A S Hardy Shafii<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>\*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia

victorpangayan@ums.edu.my\*

Dihantar/Received: 11 October 2023 | Penambahbaikan/Revised: 12 December 2023

Diterima/Accepted: 19 December 2023 | Terbit/Published: 20 December 2023

*DOI:* <https://doi.org/10.51200/ga.v13i2.4766>

---

## **ABSTRAK**

Etnik Kimaragang merupakan salah satu penutur bahasa dusunik yang bernaung dibawah rumpun Kadazan Dusun dan banyak mendiami kawasan dataran tanah tinggi dan juga kawasan lembah di Daerah Kota Marudu dan Pitas. Sehingga kini, etnik Kmaragang masih menarikkan tarian Pinakang dalam semua acara keramaian termassuk acara Mongukas. Acara mongukass diadakan bagi memperingati kematian oleh ahli keluarga dan waris. Dalam acara ini, tarian Pinakang wajib dipersembahkan bagi memeriahkan majlis tersebut. Tarian Pinakang yang dipersembahkan adalah sebuaha manifestasi adat etnik Kimaragang yang sudah kurang dihayati oleh generasi modern. Oleh itu, data secara *in-depth interview* dikutip terhadap beberapa orang informan utama dan kaedah analisis diskriptif digunakan bagi mengungkapkan isi sebenar data yang diperolehi.

*Kata Kunci:* Etnik Kimaragang, Tarian Pinakang, Mongukas, Adat, Kepercayaan

## **ABSTRACT**

*The Kimaragang ethnic group is one of the Dusunic language speakers who live under the Kadazan Dusun group, and many of them live in the hills and valleys of the Kota Marudu and Pitas Districts. Until now, the Pinakang dance has attracted the Kmaragang ethnic group throughout all public occasions, including the Mongukas ceremony. The Mongukas ceremony is organized to remember family members and heirs who have died. To bring the celebration to life, the Pinakang dance must be perform. The Pinakang dance reflects Kimaragang ethnic practices that the current generation has overlooked. As a result, in-depth interview data from multiple key informants was collected, and descriptive analytic methods were utilized to describe the substance of the actual data obtained.*

*Keywords:* Kimaragang Ethnic, Pinakang Dance, Mongukas, Customs, Beliefs

## PENGENALAN

Etnik Kimaragang merupakan salah satu penutur bahasa dusunik yang bernaung dibawah rumpun Kadazan Dusun (Pangayan & Shafii, 2021; Pugh-Kitingan, 2016). Kebanyakan etnik Kimaragang mendiami kawasan dataran tanah tinggi dan juga kawasan lembah di Daerah Kota Marudu dan Pitas (Low Kok On & Pugh-kitingan, 2015; R. Kroeger, 2005). Terdapat dua versi cerita yang menyentuh berkaitan dengan asal-usul etnik Kimaragang iaitu cerita yang disampaikan oleh Shim (2007) dan juga cerita lisan yang disampaikan secara turun-temurun daripada orang tua-tua etnik Kimaragang itu sendiri (Pangayan & Shafii, 2021). Walau bagaimanapun, kedua-dua versi cerita ini menyatakan bahawa etnik Kimaragang adalah berasal daripada rumpun Nunuk Ragang dan berkembang dikawasan pantai barat utara negeri Sabah yang dikenali sebagai Daerah Kota Marudu dan Pitas, Sabah.

Sehingga kini, etnik Kimaragang mempunyai empat jenis tarian tradisional yang masih dipersembahkan iaitu tarian Mongilag, Monongkopiring, Momiluk dan Pinakang (Pangayan, 2022; Sobry, 2012). Daripada empat tarian tradisional ini, tarian yang sering dipersembahkan didalam majlis rasmi mahupun majlis tidak rasmi etnik Kimaragang ialah tarian Pinakang (Pangayan, 2014). Antara majlis yang menjadikan tarian Pinakang sebagai tarian yang wajib ditarikan dalam acaranya ialah majlis Mongukas. Majlis ini menjadikan tarian Pinakang sebagai salah satu segman penting dalam perjalanan majlisnya.

## TARIAN PINAKANG

Tarian Pinakang merupakan salah satu tarian tradisional etnik Kimaragang yang paling popular ditarikan semasa majlis-majlis keramaian etnik Kimaragang (Pangayan et al., 2018; Sobry, 2012). Secara umumnya, tarian ini diilhamkan daripada pergerakan burung Helang dan juga burung Layang-layang yang sedang terbang diudara semasa proses menghasilkan kostum tradisional etnik Kimaragang iaitu kain pinakang (Pangayan, 2014). Peniruanan pergerakan daripada burung helang dan burung layang-layang ini membawa simbolik yang mendalam terhadap falsafah dan kepercayaan etnik Kimaragang. Menurut temubual bersama Rondikum Yangang (79), kedua-dua unggas yang dipilih oleh etnik Kimaragang ini membawa kepada pelambangan dan simbolik kepada kekuatan dan kegagahan golongan pahlawan dan juga kearifan golongan bobolian.

Jika diteliti, tarian Pinakang mempunyai empat ragam gerak asas yang sering digunakan dalam persembahannya, iaitu sumirid, mongigol-mangandak, mitalib dan mangalikapta (Pangayan et al., 2016). Setiap ragam gerak ini turut dipecahkan kepada dua bahagian iaitu ragam gerak lelaki dan wanita seperti yang diturunkan dalam Jadual 1. Bagi ragam gerak lelaki, biasanya dimulakan dengan *sumirid*, kemudian *mongigol*, diikuti *mitalib* dan *mangalikapta*. Bagi ragam wanita pula, dimulakan dengan *mitalib*, kemudian *mangandak*, diteruskan dengan *mitalib* dan diakhiri dengan *mangalikapta*.

Jadual 1: Pecahan ragam gerak tarian Pinakang

Ragam Gerak Lelaki	Ragam Gerak wanita
<i>Sumirid</i>	
<i>Mongigol</i>	<i>Mangandak</i>
<i>Mitalib</i>	
<i>Mangalikapta</i>	


Menurut temubual bersama pengiat seni persembahan Kumpulan kebudayaan Kampung Togudon iaitu Bunging Turudang (68), Ragam gerak tarian Pinakang menggambarkan kegagahan dan kepimpinan kaum lelaki etnik Kimaragang. Manakala menurut Rondikum Yangang pula, ragam gerak tarian Pinakang adalah tertib dan menggambarkan keayuan, kesopanan dan kelemah-lembutan dalam diri seorang wanita etnik Kimaragang. Walau bagaimanaapun, kesemua ragam gerak ini disusun indah dan harmoni bersama alunan paluan gong serta *kulintangan* yang mengiringi persembahan tarian Pinakang. Perkara ini menjadikan tarian Pinakang dipersembahkan dalam suasana yang gembira dan memeriahkan lagi sesebuah majlis termasuklah majlis Mongukas.

## MAJLIS MONGUKAS

Seperti etnik peribumi Sabah yang lain, etnik Kimaragang juga mempunyai adat-istiadat serta sistem kepercayaannya yang tersendiri (Pangayan & Shafii, 2020). Menurut Bunging Turudang (68), salah satu adat yang masih diamalkan sehingga kini ialah majlis mongukas. Berdasarkan maklumat temubual yang diperolehi, terdapat beberapa definisi kepada acara mongukas. Berdasarkan penerangan Gunsalam Unggus (77), mongukas merupakan sebuah acara memperingati kematian seseorang setelah menjangkau 12 bulan kematiannya. Juanas Makampung (62) pula menjelaskan bahawa mongukas adalah acara terakhir yang diraihkan bagi menghormati roh si mati selepas setahun kematiannya. Jamaron Inawan (68) pula menerangkan bahawa, mongukas adalah acara membaik pulih kubur ahli keluarga yang telah meninggal dunia.


Daripada data yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa mongukas merupakan sebuah acara penghormatan terakhir oleh ahli keluarga terhadap mendiang selepas tempoh kematian mencecah setahun atau 12 bulan. Penghormatan terakhir ini diadakan secara besar-besaran dan perlu mengorbankan seekor kerbau atau lembu mengikut kemampuan ahli keluarga mendiang. Biasanya, acara mongukas ini dijalankan selama seminggu atau lima hari mengikut kemampuan dan kekuatan ekonomi keluarga mendiang. Antara perkara lain yang mempengaruhi tempoh pelaksanaan acara ini ialah kerja-kerja membaik pulih kuburan mendiang yang memerlukan ketelitian.

Berdasarkan temubual berasama Gunsalam Ungus (78), secara umumnya majlis Mongukas dijalankan selama tujuh hari oleh waris keluarga seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Pada lima hari pertama adalah proses membaik pulih kubur mendiang, dan proses ini biasanya bergantung kepada tenaga kerja yang membantu. Selanjutnya adalah hari kemuncak atau dikenali sebagai *mangaramai* atau *mangatod*. Dalam konteks Mongukas, *mangatod* merujuk kepada proses menghantar kepala haiwan sembelehan pada kubur mendiang. Menurut Jabil Tompuau (75), dalam konteks adat sesi *mangatod* ini wajib dilaksanakan sebagai tanda kubur mendiang sudah dibaik pulih. Jika dilihat daripada konteks kepercayaan etnik Kimaragang pula, *mangatod* ini simbolik kepada menghantar haiwan tunggangan kepada mendiang bagi proses *mongolu*'. Menurut Dulina Yansau (89), pada hari yang ketujuh ini, roh mendiang akan balik kerumah buat kali terakhir untuk turut serta berpesta dan juga mengucapkan selamat tinggal kepada semua ahli keluarga dan warisnya.



**Rajah 1:** Struktur majlis Mongukas

Berdasarkan temubual bersama Dulina Yansau (89), pada hari yang keenam, persiapan terakhir perlu dipersiapkan seperti makanan, minuman (minuman tradisional) dan juga haiwan sembelehan iaitu kerbau atau lembu. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2, sesi *miagung* dan *mi'igol – mi'andak* akan bermula setelah haiwan sembelehan sudah selesai disembeleh dan dipersiapkan pada hari keenam atau sehari sebelum *mangatod*. Pada hari ketujuh, sebelum rombongan keluarga berangkat ke kubur mendiang bagi acara *mangatod*, semua ahli rombongan wajib menarikan tarian Pinakang. Demikian juga setelah sekembalinya rombongan daripada kubur mendiang, adalah wajib bagi rombongan untuk menarikan tarian Pinakang.



**Rajah 2:** Struktur acara kemuncak majlis Mongukas

## TARIAN PINAKNG DALAM MAJLIS MONGUKAS

Seperti yang dinyatakan oleh beberapa orang informan terdahulu, sesi *mi'igol om mi'andak* wajib diadakan dalam acara kemuncak majlis Mongukas. Perkara ini disebabkan oleh kepercayaan etnik Kimaragang bahawa, semasa majlis Mongukas sedang dijalankan roh si mati akan turut serta memeriahkan majlis tersebut. Oleh itu, tarian Pinakang menjadi salah satu tarian utama majlis ini yang bertujuan bagi memeriahkan lagi kehadiran roh mendiang yang hadir. Turut dipercayai bahawa roh mendiang akan turut serta menari dan bersuka ria dalam majlis tersebut.

Berdasarkan penerangan Rondikum Yangang (78), etnik Kimaragang percaya bahawa majlis Mongukas adalah majlis perpisahan terakhir antara roh mendiang dengan kaum kerabat di dunia. Bagi memastikan roh mendiang aman dan tenteram semasa *mongolu'*. Dalam konteks orang meninggal, *mongolu* merujuk kepada proses peralihan alam roh orang mati antara alam dunia ke alam abadi. Hal ini kerana bedasarkan kata dasar “*olu*” yang bermaksud “tinggal”. Dengan itu, majlis Mongukas perlulah dijalankan dengan gembira dan meriah. Rombisa somonul (68) menjelaskan bahawa, majlis yang tidak meriah dan tidak mengikuti beberapa perkara wajib mengakibatkan roh mendiang *mongolu'* dengan tidak tenang dan tenteram. Ini mengakibatkan roh mendiang akan berpatah balik ke dunia kerana menganggap kaum kerabat dan keluarganya tidak rela berpisah dengan mendiang.

Bagi mengelakkan perkara seumpama ini berlaku, acara Mongukas perlulah dijalankan dengan riang ria dan gembira. Bagi memastikan acara ini meriah, sesi *mi'igol om mi'andak* wajib dijalankan pada hari keenam sebaik sahaja haiwan sembelehan selesai disembeleh. Menurut Dulina Yansau (89), sesi ini adalah bertujuan bagi menyambut kehadiran roh mendiang balik kerumah untuk turut hadir berpesta. Selain daripada itu, ia juga bertujuan bagi memaklumkan kepada semua penduduk kampung berhampiran bahawa acara mongukas sudah sampai kemuncaknya.

Sesi *mi'igol om mi'andak* yang juga merujuk kepada persembahan tarian Pinakang wajib dadakan pada hari kemuncak acara iaitu hari yang terakhir iaitu acara *mangatod*. Menurut Pawai En (95), semasa acara *mangatod*, sesi *mi'igol om mi'andak* wajib dijalankan sebanyak dua sesi. Sesi pertama diadakan sebelum rombongan bergerak ke kubur mendiang. Dalam sesi ini, semua ahli keluarga dan waris wajib menari tarian Pinakang. Ia adalah bertujuan agar roh mendiang dapat dihantar pulang ke kuburnya dengan gembira dan senang hati (Rajah 3).



Rajah 3: Tarian Pinakang Dipersembahkan Sebelum *Mangatod*


Seterusnya selepas sesi *mangatod*, semua ahli rombongan terutama sekali ahli keluarga sekali lagi wajib menari tarian Pinakang. Pada sesi ketiga ini, ia membawa simbolik bahawa keluarga mengucapkan selamat tinggal kepada roh mendiang yang akan meneruskan proses *mongolu*. Menurut Dulina Yansau (89 Tahun), roh mendiang perlu tenang semasa *mongolu* agar prosesnya sempurna. Apabila roh mendiang telah *mongolu* dengan sempurna, roh mendiang tidak akan kembali lagi ke dunia. Selain daripada itu, keluarga mendiang juga dapat menjalankan hidup dengan tenang tanpa sebarang tuntutan.



**Rajah 4:** Proses mengikat kepala haiwan sembolehan semasa sesi *Mangatod*

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, tarian Pinakang yang popular ditarikan dalam kalangan etnik Kimaragang adalah disebabkan keperluan dan keistimewaan tarian ini. Dalam konteks majlis Mongukas, tarian Pinakang mengambarkan adat dan kepercayaan etnik Kimaragang di zaman silam. Kebanyakan adat dan kepercayaan yang memagari majlis Mongukas dapat diungkai dengan sesi *mi'igol om mi'andak* ataupun sesi persembahan tarian Pinakang. Rajah 5 diturunkan bagi mengambarkan ringkasan kepada manifestasi adat melalui tarian Pinakang dalam acara mengukas.



**Rajah 5:** Ringkasan Manifestasi Adat Alam Persembahan Tarian Pinakang

Secara ringkasnya, persembahan tarian Pinakang dalam kontexta acara Mongukas menunjukkan kepercayaan tradisional etnik Kimaragang pada zaman silam yang percayakan kehidupan roh selepas kematian. Selain daripada itu, etnik Kimaragang juga percaya bahawa terdapat satu alam abadi yang menempatkan roh manusia selepas kematian dan bagi menuju ke alam tersebut, roh perlu melalui proses *mongolu*. Bagi aspek adat pula, etnik Kimaragang pada zaman dahulu mementingkan adat agar kehidupan berkolompok lebih teratur dan harmoni. Masa kini, majlis Mongukas masih diamalkan oleh etnik Kimaragang sebagai satu acara memperbaiki kubur ahli keluarga dan juga sebagai medium merapatkan silaturahim keluarga dalam bentuk kerjasama dan gotong royong.

## RUJUKAN

- Low Kok On, & Pugh-kittingan, J. (2015). The Impact of Christianity on Traditional Agricultural Practices and Beliefs among the Kimaragang of Sabah. *Asian Ethnology*, 74(2), 401–424.
- Pangayan, V. B. (2014). *Tarian Pinakang Etnik Kimargang: Konteks Persembahan dan Perubahan Kostum*. Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah.
- Pangayan, V. B. (2022). Tarian Mongilag: Tarian Pahlawan Etnik Kimaragang. In C. C. Sim (Ed.), *Apresiasi Seni* (3rd ed.). Universiti Malaysia Sabah.
- Pangayan, V. B., & Shafii, A. S. H. (2020). Sistem Bi'nattang etnik Kimaragang di Sabah: Satu Tinjauan Susun Lapis Sosial Pada Zaman Silam. *Gendang Alam*, 10(1), 49–61. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/2513>
- Pangayan, V. B., & Shafii, A. S. H. B. (2021). ETHNIC MINORITIES IN BORNEO: THE KIMARAGANG PEOPLE. *Gendang Alam*, 11(1), 146–155.
- Pangayan, V. B., Shafii, A. S. H., & Kok On, L. (2016). Tarian Pinakang Etnik Kimaragang di Sabah: Analisis Konsep Persembahan dan Ragam Gerak. In L. Kok On, J. Humin, C. C. Sim, I. Ismail, S.

- J. J. C, B. A. Bromeo, & I. A. Achin (Eds.), *International Conference On The Heritage and Folklore of The Malay Archipelago: Haritage and Identity* (pp. 428–432). Borneo Heritag Research Unit, Faculty of Humanities, Arts and Heritage, Universiti Malaysia Sabah.
- Pangayan, V. B., Shafii, A. S. H., & Low Kok On. (2018). Tarian Mongilag: Refleksi Kepahlawanan Etnik Kimaragang dalam Konteks Tradisi Lisan. In Low Kok On, M. Z. Mat Kib, G. Saat, H. Jusilin, J. Pugh-Kitingan, N. Salleh, J. F. J. F. Michael, S. Kindoyop, C. J. Min, & Ak. Ab Hasnim Dg. Ab. Ghani (Eds.), *Persidangan Antarabangsa Sejarah, Warisan & Folklor Nusantara (PASWFN)* (pp. 423–427). Universiti Malaysia Sabah.
- Pugh-Kitingan, J. (2016). *Kadazan Dusun*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- R. Kroeger, P. (2005). Kimaragang. In Sander Adelaar & Nikolaus Himmelmann (Ed.), *The Austronesia Language of Asia and Madagascar* (pp. 397–428). Routledge.
- Shim, P. S. (2007). *Cultural Heritage of North Borneo in Land People of Sabah Before, During and After Nunuk Ragang*. Borneo Cultural Heritage Publisher.
- Sobry, A. A. (2012, January 20). Kimaragang Teguh Pertahankan Seni Budaya. *Berita Harian*, 8–9.

## INFORMAN

- Bunging Bin Turudang (68 Tahun), Pengiat Seni Persembahan Tradisional Kimaragang, Kg. Togudon, Tandek, Kota Marudu, Sabah. Temu bual pada 12 Ogos 2017
- Dulina Yansau (89 Tahun), Bolungkitas terakhir, Kg. Liabas, Tandek, Kota Marudu, Sabah. Temu bual pada: Mei 2013
- Gunsalam Bin Ungus (78 Tahun). Ahli Mangku Negara, Kg. Korumoko, Tandek, Kota Marudu, Sabah. Temu bual pada 29 Ogos 2017.
- Jabil Bin Tompuau (75 Tahun), Kg. Tondig, Tandek, Kota Marudu, Sabah. Temu bual pada: 16 Feb 2017.
- Jamaron Bin Inawan (68 Tahun), Kg. Tondig, Tandek, Kota Marudu, Sabah. Temu bual pada: 08 Mac 2013.
- Juanas Binti Makampung (62 Tahun), Kg. Togudon, Tandek, Kota Marudu, Sabah. Temu bual pada: 21 Ogos 2017
- Pawai En (95 Tahun), Bekas Ketua Kampung Tingkalanon, Tandek, Kota Marudu, Sabah. Temu bual pada 27 Ogos 2017.
- Rombisa Binti Somonul (68 Tahun), Pelatih Bobolian, Kg. Tondig, Tandek, Kota Marudu, Sabah. Temu bual pada: 16 Mac 2017
- Rondikum Binti Yangang (79 Tahun), Bobolian (terakhir), Kg. Nolotan, Tandek, Kota Marudu, Sabah. Temu bual pada 6 Jun 2017